



# PANDUAN SGSECURE DI TEMPAT KERJA

untuk meningkatkan kesediaan  
menghadapi pengganasan

Satu Perkongsian Kolektif



SGSECURE DI TEMPAT KERJA | KEMENTERIAN TENAGA MANUSIA | 2017  
Lelaman: [www.mom.gov.sg/sgsecure](http://www.mom.gov.sg/sgsecure)  
E-mel: [sgsecure\\_workplaces@mom.gov.sg](mailto:sgsecure_workplaces@mom.gov.sg)

# KANDUNGAN

---

## PERANAN ANDA DALAM SGSECURE



- Mengapa anda perlu bermula ambil langkah hari ini 2
- Mesej penting oleh Menteri Tenaga Manusia 3
- Melaksanakan 3P 4



## PERSIAPKAN TENAGA KERJA ANDA

**01**

- Latih pekerja anda 8
- Kenal pasti dan bangunkan pasukan bertindak 11
- Bina tenaga kerja yang bersatu padu 12



## LINDUNGI TEMPAT KERJA ANDA

**02**

- Uruskan risiko keselamatan anda 16
- Rancang lebih awal bagi kesinambungan perniagaan 18
- Lindungi sistem IT dan data anda 20



## BEKERJASAMA DENGAN MASYARAKAT ANDA

**03**

- Bangunkan rangkaian sokongan anda 24
- Tingkatkan keupayaan komunikasi anda 25
- Dekati pihak-pihak berkepentingan anda 26



## NOMBOR HUBUNGAN BERGUNA

28

## ► MENGAPA ANDA PERLU BERMULA AMBIL LANGKAH HARI INI

SGSecure merupakan satu gerakan negara untuk membolehkan masyarakat kita mencegah dan menangani pengganasan. Sesuatu serangan boleh mengganggu operasi perniagaan anda, pekerja anda mungkin tidak dapat melaporkan diri ke tempat kerja, dan ada nyawa yang mungkin terkorban. Anda mungkin terjejas walaupun serangan itu tidak berlaku di tempat kerja anda.

Sebagai majikan, anda memainkan peranan penting dalam mempersiapkan tenaga kerja dan tempat kerja anda bagi menghadapi krisis. Bersiap sedia adalah satu kumpulan kemahiran dan tingkah laku yang boleh dipelajari. Ia memerlukan anda mengambil langkah-langkah yang aktif. Lakukan hari ini juga, untuk mempersiapkan tenaga kerja anda, melindungi tempat kerja anda dan berganding bahu dengan masyarakat anda.



# MESEJ PENTING OLEH MENTERI TENAGA MANUSIA

Majikan yang dihormati,

Apabila berlaku serangan pengganas, secara tidak sengaja tempat kerja akan terjejas. Keupayaan kita untuk bertindak pada saat-saat kritis adalah penting. Kita harus memastikan tenaga kerja kita tetap bersatu padu, perniagaan kita pulih dengan segera, dan kita kembali pada keadaan biasa secepat mungkin.

Untuk meningkatkan kesediaan anda, kami telah membangunkan Panduan SGSecure ini khas untuk anda. Ia adalah hasil penyelidikan dan perundingan dengan agensi-agensi rakan kongsi, pakar domain dan pemain industri seperti anda.

Saya menggesa anda supaya memandang serius ancaman pengganas ini, dan menggunakan Panduan ini untuk meningkatkan kesediaan anda berdepan dengan serangan-serangan pengganas. Anda boleh bermula dengan mengenal pasti petua-petua yang relevan dan melaksanakannya.

Marilah kita sama-sama berwaspada, bersatu dan kekal teguh.

Yang ikhlas,  
Dr Tan See Leng  
Menteri Tenaga Manusia

# MELAKSANAKAN 3P

Amalkan cara-cata 3P di tempat kerja anda untuk membina daya tahan organisasi terhadap pengganasan.



## SIAPKAN TENAGA KERJA ANDA

Kakitangan anda adalah aset anda yang terbesar. Adalah penting sekali untuk anda mempersiapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang betul untuk menghalang dan menangani krisis. Sekiranya berlaku sesuatu serangan, tenaga kerja yang bersedia dan bersatu padu dapat mengurangkan masa henti anda dan membantu perniagaan anda kembali kepada keadaan biasa dengan secepat mungkin.



## LINDUNGI TEMPAT KERJA ANDA

Pelan pengurusan risiko dan langkah-langkah mitigasi adalah penting untuk memastikan perniagaan anda dapat bertahan menghadapi krisis. Mengambil langkah-langkah ini akan membolehkan anda mencegah dan mengurangkan potensi kerugian, serta meneruskan operasi secepat mungkin selepas krisis.



## KERJASAMA DENGAN MASYARAKAT ANDA

TKesan serangan pengganas jauh melangkaui detik serangan. Operasi anda boleh terganggu jika rakan kongsi anda terjejas. Bina rangkaian di kalangan masyarakat anda untuk menyelesaikan masalah secara kolektif. Rangkaian masyarakat yang teguh mengukuhkan kewaspadaan dan meningkatkan keupayaan anda untuk bertindak dengan cepat dan berkesan apabila berdepan dengan krisis.

# APA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN SEKARANG

Mulakan keadaan bersiap sedia di tempat kerja anda dengan mengambil 4 langkah mudah berikut hari ini.

LANGKAH  
**01**



**Daftarkan  
Wakil SGSecure anda**

LANGKAH  
**02**



**Dapatkan semua pekerja  
anda untuk memuat  
turunkan aplikasi SGSecure**

LANGKAH  
**03**



**Berikan taklimat kepada  
pekerja anda tentang  
laluan kecemasan**

LANGKAH  
**04**



**Muat turunkan dan  
paparkan nasihat “Lari,  
Sembunyi, Beritahu” dan  
“Tekan, Ikat, Beritahu”**



# 01





# PERSIAPKAN TENAGA KERJA ANDA

---

- LATIH PEKERJA ANDA
- KENAL PASTI DAN BANGUNKAN PASUKAN BERTINDAK
- BINA TENAGA KERJA YANG BERSATU PADU

# LATIH TENAGA KERJA ANDA



supaya mereka tahu apa yang perlu dilakukan semasa krisis. Dapatkan sumber-sumber maklumat percuma di lelaman SGSecure di at [www.sgsecure.sg](http://www.sgsecure.sg).

## Sudahkah anda lakukan yang berikut?

- Daftarkan seorang wakil SGSecure untuk organisasi anda

Wakil anda akan dikemas kini tentang maklumat SGSecure terkini dan menjadi Titik Hubungan dengan pihak berkuasa semasa krisis.

### Cara untuk mendaftar?

Cipta akaun CorpPass SGSecure untuk wakil SGSecure anda dengan Kementerian Tenaga Manusia melalui  
[www.mom.gov.sg/sgsecure](http://www.mom.gov.sg/sgsecure)

- Galakkan pekerja anda supaya memuat turunkan aplikasi mudah alih SGSecure untuk menerima makluman penting semasa kecemasan besar. Terokai aplikasi ini dan pelajari petua-petua pengurusan krisis yang berguna.
- Berikan taklimat kepada pekerja anda tentang laluan kecemasan dan tempat untuk bersembunyi di tempat kerja anda. Jika anda seorang penyewa bangunan, dapatkan pelan pemindahan daripada pengurusan bangunan anda.
- Muat turunkan nasihat “Lari, Sembunyi, Beritahu” dan “Tekan, Ikat, Beritahu” dari [www.sgsecure.sg/resources](http://www.sgsecure.sg/resources) dan sampaikan nasihat tersebut kepada pekerja anda. Anda juga boleh mencetak dan memaparkan nasihat ini di tempat kerja anda.



Sekiranya berlaku serangan pengganas

# LARI » SEMBUNYI » BERITAHU



Pilihan terbaik ialah untuk **LARI** dari tempat kejadian dengan segera. Jangan menyerah diri atau berunding.



**BERLINDUNG** dari serangan dan elakkan dari dikesan. Berdiam diri dan senyapkan telefon bimbit anda.



**BERITAHU** polis apabila ia selamat untuk berbuat demikian. Hubungi polis di talian 999 atau hantarkan sms ke 71999 jika tidak selamat untuk bercakap. Berikan lokasi anda dan si penyerang. Anda juga boleh menghantar maklumat melalui aplikasi SGSecure.





## KEMAHIRAN BANTUAN KECEMASAN SECARA SPONTAN (IFAS)

**“MENGHENTIKAN PENDARAHAN” BOLEH MENYELAMATKAN NYAWA**

Apabila berlaku serangan **SENJATA API** atau serangan **BERSENJATA**;

- ▲ Jika anda berada di tempat kejadian, anda perlu bersembunyi dari ancaman berbahaya; dan
- ▲ Ketika bersembunyi, jika anda bertemu mangsa yang mengalami pendarahan parah, anda seharusnya menjalankan **IFAS** tanpa menarik perhatian kepada diri sendiri.

### **IFAS: TEKAN » IKAT » BERITAHU**



**TEKAN** langsung di atas luka dengan menggunakan benda harian seperti sapu tangan atau kain untuk menghentikan pendarahan.



**IKAT** di bahagian atas paras luka dengan menggunakan benda harian seperti tali leher, tali pinggang atau tali beg untuk menghentikan pendarahan parah.



**BERITAHU** pegawai SCDF tentang kecederaan tersebut dan masa apabila anda mengikat luka.

# KENAL PASTI DAN BANGUNKAN PASUKAN BERTINDAK




yang terdiri daripada para pekerja yang dilengkapi kemahiran menyelamatkan nyawa dan kemahiran relevan lain yang dapat mengurangkan kerosakan dan kerugian semasa dan selepas berlakunya krisis.

## Sudahkah anda lakukan yang berikut?

-  Kenal pasti sekumpulan pekerja untuk diberikan tanggungjawab menangani keselamatan di tempat kerja anda. Hantarkan mereka untuk menjalani latihan memadam api, CPR/AED dan Pertolongan Cemas. Lawati lelaman Program Kesediaan Menghadapi Kecemasan Masyarakat (CEPP) di [www.scdf.gov.sg](http://www.scdf.gov.sg) untuk program-program percuma. Kursus pensijilan boleh didapati di [www.redcross.sg](http://www.redcross.sg) dan [www.stjohn.org.sg](http://www.stjohn.org.sg).
-  Latih sekumpulan pekerja dalam kemahiran Pertolongan Cemas Psikologi supaya mereka dapat membantu rakan sekerja menghadapi situasi-situasi yang sukar. Lawati [www.redcross.sg](http://www.redcross.sg).

# BINA TENAGA KERJA YANG BERSATU



di mana rakan sekerja saling mempercayai dan bergantung antara satu sama lain semasa krisis. Tenaga kerja yang bersatu padu akan lebih berdaya tahan terhadap serangan, dan boleh pulih dengan cepat selepas krisis.

## Sudahkah anda lakukan yang berikut?

-  Anjurkan kegiatan untuk membantu pekerja anda mengenal pasti persamaan antara satu sama lain semasa sesi orientasi kakitangan atau sesi bina pasukan.
-  Galakkan dan sokong sambutan perayaan berbilang budaya di tempat kerja untuk mengukuhkan pemahaman tentang kumpulan yang berbagai-bagai dalam tenaga kerja anda.
-  Sediakan saluran maklum balas atau prosedur mengendalikan kesedihan secara proaktif dan menyelesaikan ketegangan di tempat kerja dengan segera.





# 02





## LINDUNGI TEMPAT KERJA ANDA

- URUSKAN RISIKO KESELAMATAN ANDA
- RANCANG LEBIH AWAL BAGI KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN
- LINDUNGI SISTEM IT DAN DATA ANDA

# URUSKAN RISIKO KESELAMATAN ANDA



untuk melindungi pekerja dan sumber perniagaan anda dengan lebih baik.

## Sudahkah anda lakukan yang berikut?

- Daftarkan diri untuk program Majlis Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja bizSAFE untuk meningkatkan keupayaan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja anda. Kandungan SGSecure telah digabungkan ke dalam bizSAFE peringkat 1 - 3 untuk membantu anda menilai dan mengurus risiko keselamatan di tempat kerja anda dengan lebih baik. Lawati [www.wshc.sg/bizSAFE](http://www.wshc.sg/bizSAFE).



# Wujudkan tempat kerja yang lebih sihat dan selamat untuk perniagaan

## Apa itu bizSAFE?

Diperkenalkan pada tahun 2007, program bizSAFE membantu syarikat membina keupayaan dalam Keselamatan & Kesihatan di Tempat Kerja melalui 5 peringkat pengiktirafan bizSAFE.

Pada hari ini, lebih 28,000 perusahaan telah mengambil bahagian dalam bizSAFE. Ia menawarkan kelebihan daya saing kepada perusahaannya. Berdasarkan kajian tahun 2013 oleh Institut WSH, perusahaan bizSAFE mempunyai keupayaan lebih baik dalam menguruskan risiko WSH berbanding dengan syarikat bukan bizSAFE.

Mulai 26 September 2017, bizSAFE peringkat 3 akan dipertingkat untuk meliputi komponen-komponen SGSecure yang memerlukan perusahaan membangun dan melaksanakan pelan pengurusan risiko menghadapi ancaman pengganas.

## Keberkesanan bizSAFE



\* Komponen SGSecure

I

**9/10**


Perusahaan bizSAFE bersetuju bahawa bizSAFE membantu meningkatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja mereka.



II

**89%**

daripada syarikat pelanggan akan memilih untuk mendapatkan khidmat Perusahaan bizSAFE untuk kontrak di masa hadapan.



2/3

daripada syarikat-syarikat ini akan bersedia untuk membayar lebih untuk mendapatkan khidmat Perusahaan bizSAFE.



Dapatan berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (WSH) pada tahun 2013

Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut

Sila lungsur [www.wshc.sg/bizsafe](http://www.wshc.sg/bizsafe)

atau hubungi kami di [bizSAFE@wshc.sg](mailto:bizSAFE@wshc.sg)

# RANCANG AWAL UNTUK KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN



bagi meningkatkan keupayaan anda untuk bertindak menangani gangguan kepada perniagaan yang disebabkan oleh risiko dan krisis. Anda boleh melakukannya dengan mengenal pasti dan mempersiapkan langkah-langkah pengurangan serta pelan tindakan untuk fungsi perniagaan anda yang kritikal.

## Sudahkah anda lakukan yang berikut?

- Daftar untuk pensijilan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan ISO 22301 untuk menyesuaikan satu kumpulan langkah-langkah pengurangan menyeluruh untuk menghadapi risiko, dan membangunkan pelan tindakan menangani krisis. Geran pemerintah boleh didapati di [www.businessgrants.gov.sg](http://www.businessgrants.gov.sg).
- Pelajari cara berkomunikasi dengan berkesan semasa krisis dengan mendaftar untuk kursus berkaitan komunikasi krisis melalui Portal Pengurusan Kesinambungan Perniagaan di [www.bcm.org.sg](http://www.bcm.org.sg).
- Daftar untuk kursus pengurusan krisis perniagaan di [www.sbi.org.sg](http://www.sbi.org.sg).

## ADAKAH SYARIKAT ANDA BERDAYA TAHAN?

Kebanyakan orang tidak akan memikirkan tentang insiden yang boleh menyebabkan syarikat mereka ditutup. Bagaimanapun, adakah anda bersedia sekiranya situasi yang berikut terjadi?



- 01** Kehilangan data pelanggan
- 02** Liputan negatif di media sosial yang menjadi viral
- 03** Tidak dapat masuk ke bangunan utama di mana terletaknya pejabat anda
- 04** Gangguan bekalan tenaga
- 05** Kerosakan pada infrastruktur awam
- 06** Jerebu pada paras yang membahayakan
- 07** Bekalan elektrik terputus
- 08** Penyebaran pandemik berjangkit pada paras Amaran Kuning DORSCON

### MANFAAT KESINAMBUNGAN PENGURUSAN PERNIAGAAN

**B  
C  
M** Business Continuity Management Focal Point

Diperoleh daripada  
**BCM Tahunan Persekutuan Perniagaan  
Singapura 2016**

Keupayaan untuk bertindak secara berkesan adalah kunci untuk perniagaan kekal bertahan dalam menghadapi ancaman atau gangguan yang berlaku secara tiba-tiba. Tidak bersia-sia siaga terhadap gangguan sedemikian bukan sahaja akan menjelas keuntungan anda dengan serta-merta bahkan juga menjelas reputasi syarikat anda dalam jangka panjang.

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) menawarkan proses pengurusan menyeluruh yang membolehkan syarikat menilai, merancang dan mengukuhkan daya tahan organisasi mereka dan rantai nilai mereka. Sebagai alat, **BCM bertujuan untuk melindungi cadangan nilai dan reputasi perniagaan anda serta kepentingan pihak-pihak yang berkepentingan.**

Sebagai sebuah syarikat yang bersedia dengan BCM dapat meyakinkan pihak-pihak berkepentingan dalam dan luaran anda bahawa operasi anda tidak akan banyak terganggu dalam situasi 'senario kes terburuk'. Selain daripada menggunakan BCM sebagai cara untuk menangani krisis dan gangguan, syarikat-syarikat di Singapura juga kini menggunakan BCM sebagai strategi untuk mengurangkan risiko kesan luar dugaan seperti peraturan yang lebih ketat, kekurangan tenaga kerja dan pergantungan kepada pembekal atau pelanggan utama. Rangka kerja ISO 22301:2012 menawarkan pendekatan berstruktur untuk syarikat anda menimbangkan risiko organisasi tertentu dan menguji keberkesanan pelaksanaan kesinambungan perniagaan anda.

# LINDUNGI SISTEM IT DAN DATA ANDA



untuk memastikan perniagaan anda mampu bertahan terhadap ancaman siber. Manfaatkan sumber-sumber percuma menerusi lelaman GOsafeonline di [www.csa.gov.sg](http://www.csa.gov.sg).

## Sudahkah anda lakukan yang berikut?

-  Pantau asset-aset IT anda secara kerap dan pasang perisian untuk mengesan dan mencegah akses yang tidak dibenarkan.
-  Kemas kini sistem operasi dan aplikasi anda sebaik sahaja tampilan tersedia untuk mengurangkan kelemahan anda.
-  Pasang perisian Kawalan Aplikasi dengan pengimbas antivirus berbilang enjin untuk melindungi sistem anda daripada serangan malware dan phishing.
-  Lindungi data anda dengan melakukan sandaran data secara berkala di platform yang selamat.
-  Bangunkan budaya keselamatan siber yang kukuh di tempat kerja anda dengan melatih para pekerja anda supaya mengamalkan tabiat siber yang selamat.





# 03





## BEKERJASAMA DENGAN MASYARAKAT ANDA

---

- BANGUNKAN RANGKAIAN SOKONGAN ANDA
- TINGKATKAN KEUPAYAAN KOMUNIKASI ANDA
- DEKATI PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN ANDA

# BANGUNKAN RANGKAIAN SOKONGAN ANDA



untuk meningkatkan kewaspadaan dan keupayaan anda menangani ancaman dan serangan keselamatan dalam kawasan terdekat anda.

## Sudahkah anda lakukan yang berikut?

- Daftar untuk menyertai skim Kumpulan Pengawas Keselamatan Pasukan Polis Singapura dan Pasukan Pertahanan Awam Singapura

### Pemilik Bangunan

Wakil SGSecure anda boleh mendaftarkan bangunan anda untuk skim ini. Sebagai anggota, anda boleh membina rangkaian dengan pemilik bangunan bersebelahan anda dan pelajari amalan terbaik terkini dalam soal keselamatan. Pasukan keselamatan bangunan anda boleh bekerjasama dengan pihak Polis untuk menjalankan tinjauan keselamatan di premis bangunan anda untuk tujuan memperkasakan kawasan sasaran. Lawati [www.police.gov.sg](http://www.police.gov.sg).

### Penyewa Bangunan

Galakkan pengurusan bangunan anda untuk menyertai skim Kumpulan Pengawas Keselamatan.



# TINGKATKAN KEUPAYAAN KOMUNIKASI ANDA

supaya organisasi anda dapat bertindak pantas dan tegas semasa krisis.

## Sudahkah anda lakukan yang berikut?

- Wujudkan direktori nombor hubungan pekerja dan keluarga terdekat untuk memudahkan komunikasi semasa krisis.
- Kemas kini direktori nombor hubungan anda secara kerap.
- Gunakan aplikasi penghantaran mesej mudah alih untuk membina saluran komunikasi berdasarkan kumpulan.

# DEKATI PIHAK BERKEPENTINGAN ANDA



untuk meningkatkan kebolehpercayaan anda. Ini akan mengelakkan kesilapan komunikasi dan gangguan di masa-masa panik.

## Sudahkah anda lakukan yang berikut?

-  Buat senarai pihak-pihak yang berkepentingan, seperti pelanggan dan pembekal utama, dan wujudkan saluran komunikasi yang kukuh dengan mereka.
-  Sediakan senarai rakan perniagaan yang berpotensi yang boleh menyokong operasi perniagaan anda sekiranya yang sedia ada terjejas oleh krisis.



# NOMBOR HUBUNGAN BERGUNA



Anda boleh menggunakan sumber-sumber berikut untuk membantu anda melaksanakan SGSecure dalam organisasi anda. Ini termasuk kursus latihan, inisiatif perancangan kesinambungan perniagaan, dan bahan-bahan SGSecure lain yang boleh anda muat turun dan sebarkan.

ORGANISASI	APA YANG DITAWARKAN	SUMBER & NOMBOR HUBUNGAN
Kementerian Ehwal Dalam Negeri	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ketahui lebih lanjut tentang gerakan SGSecure</li><li>• Akses kepada modul e-pembelajaran, poster, video dan pelbagai penerbitan</li></ul>	Lelaman: <a href="http://www.sgsecure.sg">www.sgsecure.sg</a>
Kementerian Tenaga Manusia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Daftar Wakil SGSecure anda</li><li>• Baca lebih lanjut tentang pelaksanaan SGSecure di tempat kerja anda</li></ul>	Lelaman: <a href="http://www.mom.gov.sg/sgsecure">www.mom.gov.sg/sgsecure</a> Tel: 6438 5122 E-mel: <a href="mailto:sgsecure_workplaces@mom.gov.sg">sgsecure_workplaces@mom.gov.sg</a>
Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ketahui bagaimana kesatuan boleh bekerjasama dengan anda untuk mempersiapkan pekerja anda untuk menghadapi krisis</li><li>• Ketahui bagaimana pemimpin kesatuan anda boleh memainkan peranan dalam SGSecure</li></ul>	Lelaman: <a href="http://www.ntuc.org.sg">www.ntuc.org.sg</a> Tel: 6213 8351 E-mel: <a href="mailto:ntucird@ntuc.org.sg">ntucird@ntuc.org.sg</a>
Persekutuan Majikan Kebangsaan Singapura	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ketahui bagaimana anda boleh mempersiapkan tenaga kerja anda melalui acara-acara yang dianjurkan oleh SNEF</li></ul>	Lelaman: <a href="http://www.snef.org.org">www.snef.org.org</a> Tel: 6290 7696 E-mel: <a href="mailto:advisory@snef.org.sg">advisory@snef.org.sg</a>

<b>ORGANISASI</b>	<b>APA YANG DITAWARKAN</b>	<b>SUMBER &amp; NOMBOR HUBUNGAN</b>
Pasukan Polis Singapura	<ul style="list-style-type: none"> <li>Daftar sebagai ahli SSWG (untuk pemilik bangunan)</li> <li>Akses modul e-pembelajaran di SGSecure</li> </ul>	Talian Kecemasan: <b>999</b> ESMS Kecemasan: <b>71999</b> Lelaman: <a href="http://www.police.gov.sg/sgsecure">www.police.gov.sg/sgsecure</a> Talian Bukan Kecemasan: <b>1800 - 255 - 0000</b> Pertanyaan (Ibu Pejabat Polis): <b>1800 - 358 - 0000</b> E-mel SSWG: <a href="mailto:spf_sswg@spf.gov.sg">spf_sswg@spf.gov.sg</a>
Pasukan Pertahanan Awam Singapura	<ul style="list-style-type: none"> <li>Daftar untuk latihan Program Kesediaan Menghadapi Kecemasan Masyarakat dalam memadamkan api, CPR/AED dan Pertolongan Cemas</li> </ul>	Talian Kecemasan: <b>995</b> Lelaman: <a href="http://www.scdf.gov.sg">www.scdf.gov.sg</a> Pusat Khidmat Pelanggan Tel: <b>1800 - 286 - 5555</b> E-mel: <a href="mailto:scdf_csc@scdf.gov.sg">scdf_csc@scdf.gov.sg</a>
Agensi Keselamatan Siber Singapura	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ketahui lebih lanjut tentang ancaman keselamatan siber dan akses alat latihan keselamatan siber percuma</li> </ul>	Lelaman: <a href="http://www.csa.gov.sg/gosafeonline">www.csa.gov.sg/gosafeonline</a>
SkillsFuture Singapura	<ul style="list-style-type: none"> <li>Gunakan kredit SkillsFuture anda untuk pelajari kursus berguna yang membantu anda meningkatkan kesediaan di tempat kerja</li> </ul>	Lelaman: <a href="http://www.skillsfuture.sg">www.skillsfuture.sg</a>
Persekutuan Perniagaan Singapura	<ul style="list-style-type: none"> <li>Daftar untuk dapatkan pensijilan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan: <a href="http://www.bcm.org.sg">www.bcm.org.sg</a></li> <li>Daftar untuk kursus relevan lain seperti komunikasi krisis</li> </ul>	Portal Pengurusan Kesinambungan Perniagaan: <a href="http://www.bcm.org.sg">www.bcm.org.sg</a> E-mel: <a href="mailto:bcm@sbfi.org.sg">bcm@sbfi.org.sg</a> Kursus: <a href="http://www.sbi.org.sg">www.sbi.org.sg</a> Geran: <a href="http://www.businessgrants.gov.sg">www.businessgrants.gov.sg</a>
Majlis Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>Daftar untuk program bizSAFE</li> </ul>	Lelaman: <a href="http://www.wshc.sg/bizSAFE">www.wshc.sg/bizSAFE</a> E-mel: <a href="mailto:bizSAFE@wshc.sg">bizSAFE@wshc.sg</a>
Persatuan Palang Merah Singapura	<ul style="list-style-type: none"> <li>Daftar untuk kursus pensijilan seperti Program Pertolongan Cemas Standard, Pertolongan Cemas Psikologi dan Pihak Pertama Bertindak</li> </ul>	Lelaman: <a href="http://www.redcross.sg">www.redcross.sg</a> Tel: <b>6664 0563</b> E-mel: <a href="mailto:academy@redcross.sg">academy@redcross.sg</a>
St John Singapura	<ul style="list-style-type: none"> <li>Daftar untuk kursus pensijilan seperti Pertolongan Cemas Asas dan Pekerjaan</li> </ul>	Lelaman: <a href="http://www.stjohn.org.sg">www.stjohn.org.sg</a> Tel: <b>6298 0300</b> E-mel: <a href="mailto:firstaid@stjohn.org.sg">firstaid@stjohn.org.sg</a>

